

Kesejahteraan Keluarga dan Pola Komunikasi dalam Keluarga

Mohamad Nawawy Jusoh
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
Pahang, Malaysia
hidayah_faizal@oum.edu.my

Fatmawati Latada
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
Pahang, Malaysia

Abstrak - Kesejahteraan keluarga merupakan tonggak yang penting untuk melahirkan komuniti dan negara yang harmonis dan maju. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pola komunikasi mampu mensejahterakan sesebuah keluarga. Melalui hasil kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pola komunikasi tertentu yang diamalkan dalam keluarga mampu memberikan impak yang sangat besar terhadap perkembangan dan pembangunan ke arah sebuah keluarga yang sejahtera. Komunikasi yang dimaksudkan bukan sekadar menyampaikan mesej tetapi juga menentukan kualiti hubungan peribadi. Faktor hubungan ini adalah sangat penting bagi menentukan kualiti kesejahteraan dalam keluarga. Hubungan suami isteri dan anak-anak dapat dilihat dari aspek keakraban, komitmen, penyingkapan diri dan dominasi. Untuk meningkatkan komunikasi dalam keluarga model-model seperti ABX, Stimulus-Response dan Interasional banyak diutarakan oleh sarjana. Model-model ini banyak membantu ke arah pembentukan kesejahteraan keluarga. Antara peranan komunikasi yang perlu adalah saling dipercayai yang seterusnya mewujudkan integriti dikalangan keluarga. Keadaan tersebut memberi kesan yang positif dalam pembinaan sesebuah keluarga. Kertas kerja ini membincangkan tentang pentingnya hubungan antara ahli keluarga. Justeru itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui dapatan data sekunder yang melibatkan bentuk tulisan seperti jurnal, artikel, buku-buku dan prosiding. Rumusan kajian ini telah membuktikan bahawa kesejahteraan keluarga sangat bergantung kepada komuniti keluarga yang hidup dalam keadaan harmonis. Justeru itu komunikasi yang baik dalam sesebuah keluarga perlu dititik beratkan bagi membentuk sebuah keluarga yang efektif, kreatif dan inovatif disamping meningkatkan produktiviti sesebuah negara.

Kata Kunci- Kesejahteraan; Pola Komunikasi; Keluarga

1. PENGENALAN

Keluarga adalah isi rumah yang diikat daripada asas ikatan perhubungan secara sah sebagai suami isteri. Ia berpunca daripada perkahwinan menurut Islam melalui hubungan yang sah antara suami isteri yang dimeteraikan melalui akad nikah seterusnya memiliki anak-anak dan generasi penyambung generasi warisan keluarga tersebut [9]. Institusi keluarga hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran seperti keruntuhan keluarga, penceraian, gantung tidak bertali, keganasan rumah tangga dan sebagainya [7]. Menurut [7], di antara tahun 2012 hingga Ogos 2015 jumlah keganasan rumahtangga yang dilaporkan adalah sebanyak 3,340. Jumlah kes berkenaan melibatkan seramai 2,528 wanita. Setelah diperincikan negeri Selangor telah mencatatkan 519 kes manakala negeri Johor 429 kes, Kelantan 402 kes dan Sarawak 166 kes. Daripada kes-kes berkenaan

seramai 1,123 wanita berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun. Daripada data tersebut dapat disimpulkan bahawa kes keganasan rumahtangga berlaku dengan ketara di negeri-negeri yang maju dan membangun seperti Selangor dan Johor, juga tidak terkecuali untuk negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri Kelantan dan Sarawak. Corak umur wanita yang terlibat dalam isu perceraian dan keganasan rumahtangga tersebut adalah golongan wanita muda. Keadaan Ini tentu sahaja akan memberikan impak yang besar kepada institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengabaian tanggungjawab antara pasangan merupakan faktor yang paling tinggi menyebabkan berlakunya kes perceraian. Antara faktor berlakunya pengabaian dan seterusnya perceraian di kalangan pasangan suami isteri tersebut adalah kerana terdapatnya masalah komunikasi, akhlak, sosial, campur tangan pihak ketiga, lemah didikan agama, ekonomi, seksual, kerjaya, kesihatan dan perbezaan budaya [6].

Pasangan suami isteri hari ini berdepan dengan banyak cabaran. Kerana itu, suami dan isteri perlu memainkan peranan lebih aktif dan efektif bagi memastikan keluarga mereka berada dalam situasi yang harmonis. Menurut [12], kunci ke arah itu adalah komunikasi yang baik. Tidak dapat dinafikan bahawa antara perkara yang perlu dititik beratkan adalah ilmu agama yang sempurna di samping memiliki ilmu kemahiran keibubapaan. Sokongan daripada ahli keluarga terdekat yang lain seperti datuk, nenek serta pihak berwajib (pengasuh dan taska) juga diperlukan bagi memastikan anak-anak dalam proses pembesaran dan perkembangan yang sempurna.

2. KONSEP KESEJAHTERAAN KELUARGA

Kesejahteraan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977 perkataan kesejahteraan memberi makna aman, sentosa, makmur dan selamat. Kesejahteraan juga merupakan payung dalam konteks kesejahteraan iaitu bebas dari kemiskinan, kebodohan, ketakutan atau kesulitan sehingga hidup menjadi aman dan tenteram zahir dan batin. Dengan kata lain, kesejahteraan itu bukan sahaja menggambarkan kesenangan dan kemudahan fizikal sahaja tetapi melibatkan segala perkara yang boleh melahirkan ketenangan dan harmonian pada jiwa seseorang. Konsep kesejahteraan keluarga dikatakan terbentuk apabila sesuatu keadaan yang harmonis dan dipenuhi keperluan jasmani dan sosial bagi anggota keluarga tanpa mengalami rintangan-rintangan yang serius [11].

Antara faktor-faktor yang dikatakan mempengaruhi kesejahteraan keluarga dapat dibahagikan kepada dua faktor iaitu internal dan eksternal. Faktor internal lazimnya berkait dengan jumlah anggota keluarga, tempat tinggal dan keadaan sosial ekonomi keluarga. Manakala faktor eksternal bagi kesejahteraan keluarga adalah lingkungan kemasyarakatan dan kemudahan yang dapat membantu proses mobiliti. Faktor eksternal perlu diperhalusi dan terus dijaga supaya dapat mengelakkan daripada berlaku kepincangan dan ketegangan jiwa dikalangan ahli keluarga.

Kesejahteraan keluarga itu mencakupi beberapa domain diantaranya adalah; a) keluarga mempunyai upaya untuk meningkatkan pengetahuan agama; b) keluarga mempunyai tabungan; c) keluarga biasanya makan bersama minimumnya sekali dalam sehari; d) keluarga mengadakan rekreasi bersama minimumnya sekali dalam enam bulan; e) keluarga memperoleh berita dari television, majalah dan surat khabar; f) anggota keluarga dapat menggunakan kemudahan kenderaan; g) memberi sumbangan secara teratur dan sukarela untuk sosial masyarakat; h) aktif terlibat dalam pengurusan institusi ataupun yayasan (Laporan LKPPNP, 2014). Dapat disimpulkan di sini, bagi mencapai sebuah keluarga sejahtera ia akan melibatkan aspek internal dan juga aspek eksternal keluarga tersebut.

3. KONSEP KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Menurut [4], perkataan pola secara umumnya bermaksud bentuk, corak, sampel, model ataupun struktur. Komunikasi pula bermaksud lingkungan pertama yang dihadapi oleh anak-anak dalam keluarga seperti ibu bapa dan adik beradik nenek dan datuk (Suhendi, 2001). Melalui keluarga, anak dibimbing untuk mengembangkan kemampuan dan kreativiti dan nilai-nilai masyarakat. Proses komunikasi yang berlaku dalam sebuah keluarga adalah dengan memperkenalkan anak-anak kepada

lingkungan yang lebih luas sebagai persediaan mereka di masa depan. Selain itu anak-anak juga perlu dibiasakan untuk berhubung antara satu dengan yang lain agar dapat mewujudkan komunikasi dengan baik dikalangan mereka. Ini kerana melalui komunikasi karektor peribadi seseorang itu dapat dibentuk [1].

Komunikasi keluarga juga adalah satu pengorganisasian yang menggunakan kata-kata, gerak tubuh, intonasi suara, tindakan untuk menciptakan harapan imej, ungkapan perasaan serta saling membahagikan pengertian (Achdiat, 1977 dalam Beely Jovan Sumakal, 2015). Komunikasi dalam keluarga juga dapat didefinisikan sebagai kesediaan bertutur secara terbuka dalam setiap perkara samada menyenangkan mahupun yang tidak menyenangkan serta bersedia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dengan sabar dan terbuka (Friendly, 2002).

Dalam berkomunikasi, anggota keluarga seperti ibu bapa dan anak-anak memerlukan kemahiran. Justeru itu, setiap ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran ini untuk membolehkan mereka mendidik anak dengan sebaiknya [3]. Contoh kemahiran komunikasi itu adalah komunikasi antara anak dengan orang dewasa, dewasa dengan dewasa dan anak dengan saudara dan rakan sebaya yang lain [13].

4. JENIS KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Dalam sebuah keluarga terdapat dua jenis perhubungan. Pertama, perhubungan dikalangan ahli keluarga (*in-group*) dan kedua perhubungan antara keluarga dan masyarakat. Kedua-dua ini dapat dikategorikan sebagai; a) perhubungan secara menegak (*vertical*); b) perhubungan secara mendatar (*horizontal*). Kedua-dua aspek perhubungan tersebut perlu di ambil kira melalui interaksi formal atau tidak formal [10].

Perhubungan secara menegak melibatkan yang lebih muda hendaklah menghormati mereka yang lebih tua. Contohnya, ibu bapa atau saudara mara yang lebih tua dalam keluarga. Manakala perhubungan secara mendatar menyentuh kepada hubungan anak dengan adik beradik serta hubungan dengan rakan sebaya diluar rumah. Oleh kerana itu Islam telah menggariskan tentang kepentingan menjaga hubungan kemesraan dikalangan suami isteri, ibu bapa dan anak-anak perlu di ambil berat [10]. Dalam hal yang berkaitan juga beberapa langkah perlu di ambil supaya wujud perasaan saling sayang menyayangi di antara saudara mara dan tidak bersikap angkuh apabila bersama rakan-rakan.

Dalam hal perhubungan secara mendatar yang melibatkan anak-anak dengan rakan sebaya mereka. Tahap ini perlu dijaga atau diawasi kerana ianya mampu membentuk sikap dan nilai-nilai murni. Diantara langkah-langkahnya adalah; a) golongan masyarakat yang pertama ditemui kanak-kanak ialah rakan sepermainan seperti anak jiran atau rakan sekolah. Peringkat ini adalah langkah ujian yang pertama bagi ibu bapa untuk meninjau keberkesanan pengajaran yang telah diberikan kepada anak-anak mereka; b) Keadaan tersebut perlu dianggap sebagai penting supaya tidak bercanggah dengan landasan agama [10].

5. PENILAIAN KUALITI POLA KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Kebanyakan hubungan yang berkualiti tinggi hanya melibatkan dua orang iaitu berlandaskan beberapa variable yang disandarkan kepada kualiti hubungan [5]. Aspek-aspek komunikasi adalah seperti berikut:

A. Penyingkapan Diri

Penyikapan diri adalah memberi informasi tentang diri sendiri yang harus diungkapkan seperti wajah, sikap tubuh, nada suara dan juga komunikasi berbentuk isyarat (*non verbal*). Penyingkapan diri berlaku dalam konteks hubungan sosial. Penyingkapan diri berkait dengan keakraban dalam keluarga. Dikatakan bahawa mereka yang mempunyai masalah dalam perkahwinan adalah disebabkan oleh penyingkapan diri yang tidak selaras [5].

B. *Keakraban*

Kualiti diukur melalui keakraban komunikasi, keakraban adalah amat penting dalam menentukan kualiti hubungan dengan keluarga seperti yang dijelaskan oleh Gudykunst & Hammer, 1988. Dalam penemuan tersebut dikatakan bahawa lebih banyak penyingkapan diri, maka akan lebih tinggi rasa tertarik, rasa percaya seterusnya akan memberikan kesan hubungan yang akrab.

C. *Afiliasi dan Komitmen*

Afiliasi menggambarkan keinginan dan komitmen yang tinggi untuk berinteraksi dengan orang lain. Mereka yang akrab selalunya akan mencari persamaan dengan orang lain dan berminat kepada orang lain.

6. POLA KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Komunikasi tidak hanya terbatas pada penyampaian mesej dari satu pihak kepada satu pihak yang lain. Diantara perkara yang membolehkan komunikasi dapat berjalan dengan lancar adalah sikap saling mempercayai [8]. Komunikasi dalam keluarga akan efektif apabila ibu bapa memiliki kredibiliti pada pandangan anak-anak. Diantara ciri-ciri pola komunikasi dalam keluarga yang efektif adalah seperti berikut:

A. *Penghargaan (respect)*

Bagi membolehkan komunikasi berjalan dengan lancar dan berkesan pihak ibu bapa harus saling hormat menghormati dan saling menghargai. Penghargaan akan memberi kesan timbal balik diantara dua pihak.

B. *Aspek Empati*

Empati adalah kemampuan untuk menempatkan diri kita pada situasi dan kondisi yang dihadapi oleh orang lain. Sikap empati adalah bermaksud kemampuan seseorang untuk mendengar dan memahami keadaan dan perasaan orang lain. Situasi ini akan membuka ruang untuk dialog yang lebih lancar dengan apa jua situasi. Mendengar tidak hanya melibatkan pancaindera sahaja tetapi boleh melibatkan rasa hati dan mata hati.

C. *Aspek Audible*

Audible boleh memberi maksud dapat difahami dengan baik. Situasi ini menimbulkan sikap yang mudah diterima oleh pendengar dan memahami kandungan mesej. Penampilan raut muka yang cerah, bahasa tubuh yang baik, alunan kata-kata yang sopan semasa proses dapat komunikasi memberi kefahaman yang berkesan.

D. *Aspek Ketepatan*

Kata-kata yang dipilih dan sasaran maksud yang sesuai akan memberi kesan yang sangat besar terhadap komunikasi.

E. *Aspek Kerendahan Hati*

Sikap rendah hati dapat ditaksirkan melalui perlakuan yang ramah mesra, saling menghargai, tidak menonjolkan diri, lemah lembut dan sopan. Melalui sikap yang rendah hati ini memungkinkan komunikasi menjadi lebih terbuka dan ini dapat membantu dan mengungkap banyak permasalahan dan cadangan dalam berkomunikasi.

7. POLA DAN MODEL KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Seperti yang dijelaskan oleh Saiful Bahri dalam [8], terdapat tiga pola komunikasi dalam keluarga telah diperkenalkan antaranya adalah Model Stimulus-Respon model ABX dan Model Interasional. Model Stimulus Respon adalah pola komunikasi yang terbentuk dalam keluarga adalah (S-R). Pola ini menunjukkan komunikasi proses aksi-reaksi yang sangat sederhana. Model ini memberi persepsi bahawa kata-kata verbal, isyarat-isyarat non verbal, gambar-gambar dan tindakan-tindakan akan merangsangkan orang lain untuk memberikan respon dengan cara dan kaedah tertentu. Cara ini dianggap sebagai pertukaran atau pemindahan informasi. Model ini sifatnya timbal balik dan banyak kesan yang dapat mengubah tindakan komunikasi berikutnya.

Model ABX ini telah diperkenalkan oleh Newcomb dari perspektif psikologi sosial. Mengikut tafsirannya bahawa seseorang: a) menyampaikan informasi kepada orang lain, (b) mengenai sesuatu X. Apabila A & B mempunyai sikap yang positif terhadap satu sama lain, hubungan itu adalah simetri. Dalam konteks ini bila A & B membenci dan salah satu menyukai X sedangkan yang lain tidak, hubungan itu merupakan simetri. Akan tetapi apabila A & B saling menyukai mereka tidak bersependapat dengan X mereka saling membenci namun sependapat mengenai X maka hubungan mereka bukan simetri.

Dalam hubungan keluarga, suami isteri akan selalu mengadakan perbincangan tentang anak. Perbincangan itu mungkin berkaitan dengan kemajuan pelajaran atau masalah sosial anak. Kebiasaannya semasa proses perbincangan anak tidak akan terlibat secara langsung. Melalui model interaksional ia telah bertentangan dengan model S-R kerana model S-R mengandaikan manusia adalah pasif, manakala model interaksional telah mengandaikan manusia lebih aktif. Dalam sebuah keluarga komunikasi boleh berlaku dalam beberapa bentuk dan tidak semestinya dari ibu bapa kepada anak dan dari anak kepada ibu bapa sahaja. Semuanya akan bertindak secara aktif, reflektif dan kreatif dalam melaksanakan komunikasi dalam sebuah keluarga.

8. POLA KOMUNIKASI DAN INTERAKSI SOSIAL DALAM KELUARGA

Kehidupan dalam keluarga yang harmonis seharusnya berjalan dengan baik. Proses interaksi sosial dalam keluarga akan melibatkan komunikasi antara suami dan isteri, anak dengan ayah, ibu dan anak, dan interaksi antara anak bersama anak.

A. *Interaksi Antara Suami Isteri*

Di antara suami dan isteri juga perlu bertindak sebagai pendengar yang baik sesama pasangan. Sikap mementingkan diri sendiri harus dielakkan supaya terbentuk komunikasi yang baik. Ketrampilan komunikasi sahaja tidak memadai bagi membantu pertumbuhan anak-anak dalam keluarga sebaliknya kedua ibu bapa juga harus mempunyai sikap menjadi pendengar yang baik.

B. *Interaksi Antara Ayah, Ibu dan Anak*

Ibu bapa yang hebat akan menjadi sahabat kepada anak-anak mereka. Melalui kaedah tersebut, secara langsung mereka menjadi tauladan kepada anak-anak kerana sikap bersahabat dengan anak-anak mempunyai peranan yang besar dalam mempengaruhi jiwa anak-anak. Kedua ibu bapa harus melapangkan masa dengan anak-anak bersama dalam keadaan suka dan duka. Dalam sebuah keluarga, kedua ibu bapa harus bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak sebagai persiapan menghadapi kehidupan dimasa akan datang. Memberi nasihat perlu pada masa yang sesuai dengan menggunakan pertuturan kata yang bijaksana dan berkhemah serta menjauhi dari menggunakan cara kekerasan dan kebencian.

C. *Interaksi Antara Ayah dan Anak*

Ibu bapa perlu memberikan rasa cinta, kasih dan sayang kepada anak-anak mereka tanpa memilih samada anak itu normal atau kurang upaya. Kedua ibu bapa akan berusaha memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak. Setiap pengalaman yang baik dan buruk akan menjadi rujukan keperibadian bagi anak pada masa hadapan.

D. Interaksi Antara Ibu dan Anak

Peranan seorang ibu dalam membantu proses sosialisasi anak di dalam dunia yang penuh cabaran dapat menjalinkan hubungan yang akrab dengan ibunya. Hubungan secara psikologi dapat membantu anak yang dalam keadaan kesulitan.

E. Interaksi di Kalangan Anak-anak

Dengan kehadiran anak-anak dalam keluarga maka interaksi akan semakin bertambah dan meluas. Interaksi sesama mereka boleh berlangsung pada bila-bila masa dan dimana sahaja. Komunikasi di antara mereka adalah secara timbal balik. Mereka berinteraksi sesama mereka tanpa melibatkan ibu bapa. Bahasa yang digunakan dan alam pemikiran adalah sesuai bagi mereka. Mereka bertukar pengalaman dan bergurau senda, bermain ataupun melakukan aktiviti mengikut cara mereka sendiri.

9. KESIMPULAN

Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi hubungan interpersonal dalam kehidupan berkeluarga. Faktor komunikasi merupakan faktor yang paling besar terhadap baik buruknya hubungan dalam keluarga. Komunikasi yang tidak efektif akan menyebabkan proses hubungan akan rosak. Komunikasi yang tidak efektif juga menyebabkan timbulnya salah faham, salah persepsi dan salah dalam membuat keputusan. Proses komunikasi dalam hubungan kekeluargaan merupakan bentuk komunikasi yang paling utama. Menurut pendapat Harold D. Laswell dalam [8] menyatakan bahawa proses komunikasi boleh terjadi dalam konteks beberapa perkara seperti (tentang siapa), (menyampaikan apa), (melalui apa), (kepada siapa) dan (apa akibatnya). Sekiranya salah satu daripada sumber komunikasi tersebut tidak terjadi maka komunikasi akan berlaku kecacatan dan tidak berkesan.

Ciri-ciri keperibadian akan memberikan persepsi yang negatif dalam komunikasi dengan orang lain. Setiap orang mempunyai gambaran tertentu mengenai dirinya, statusnya, kelebihan dan kekurangan. Melalui kata-kata ataupun komunikasi tanpa lisan (pelakuan, pandangan mata dan sebagainya) dari orang lain ia mengetahui dirinya disukai, dibenci, dihormati atau diremehkan. Faktor psikologi memberi kesan terhadap komunikasi, sekiranya seseorang tadi berada dalam keadaan sedih, risau, marah, kecewa, irihati maka proses komunikasi tidak lancar. Untuk membina satu bentuk komunikasi yang efektif maka faktor psikologi diambil kira.

Faktor lingkungan memberi kesan terhadap pembentukan terhadap komunikasi yang berkesan. Lingkungan yang tidak mengizinkan komunikasi seperti suasana yang bising, panas, terlampau sejuk dan juga budaya yang berbeza norma agama akan menimbulkan kesan kepada komunikasi. Contohnya mereka yang tidak sehaluan fahaman samada dari segi ideologi ataupun politik akan menjejaskan komunikasi.

Faktor Kepimpinan boleh memberi kesan positif dan negatif dalam keluarga. Karakteristik seorang ketua atau pemimpin akan menentukan juga pola komunikasi dalam sesebuah keluarga. Menurut pendapat Cragan dan Right dalam [8] kepimpinan boleh mempengaruhi dalam komunikasi kelompok. Pola kepimpinan ibu bapa juga boleh memberikan pengaruh yang signifikan terhadap pendidikan anak-anak. Sebagai contoh corak kepimpinan demokrasi, 'authoriti' atau 'laissez faire'.

Faktor perbezaan sosial memberikan kesan juga terhadap komunikasi. Berkomunikasi dengan anak-anak ada perbezaannya mengikut tahap umur masing-masing, begitu juga bersama dengan orang yang lebih tua. Akhirnya faktor komunikasi merupakan kunci bagi kejayaan hubungan dalam sebuah keluarga. Justeru itu komunikasi dalam keluarga harus dilakukan secara berterusan dan dipelihara dengan baik.

Akhirnya, pencapaian dan kecemerlangan sesebuah negara sangat bergantung kepada komuniti yang hidup dalam situasi yang harmonis. Ini kerana kesejahteraan dan keamanan keluarga adalah suatu aspek yang tidak dapat dinafikan membantu negara bagi meningkatkan produktiviti sesebuah negara. Elemen kekeluargaan harus menjadi ukuran dan sandaran yang penting bagi kesejahteraan rohani dan duniawi. Unsur yang boleh membantu keluarga supaya dapat dibina secara efektif, kreatif dan inovatif adalah aspek komunikasi dalam keluarga perlu diutamakan. Justeru itu, ahli keluarga seperti ibu bapa dan ahlinya hendaklah berperanan secara kolektif.

RUJUKAN

- [1] A. Sari, A.V.S Hubeis. "Pengaruh Pola Komunikasi dalam Fungsi Sosialisasi Keluarga Terhadap Perkembangan Anak." 2010.
- [2] Garis Panduan LPPKP. Malaysia, 2010.
- [3] H. M. Noh. @ berita harian. com. my 2012.
- [4] Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1977.
- [5] K. Zakiah. "Hubungan dalam Komunikasi Didik Suami Isteri: Perspektif Keluarga." Jakarta. 2002.
- [6] M. A. Majid, M. S. Z. Sallehudin. "Penceraian Rumahtangga di Negeri Selangor Darul Ihsan dan Pendekatan Menanganinya." Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa. 2017.
- [7] N. Syukri. "Keganasan Rumah Tangga. Menteri di Jabatan Perdana Menteri." Kosmo 30 November 2015.
- [8] N. Wahidah. "Pola Komunikasi dalam Keluarga." Jurnal Musawa. Vol. 3 No. 2. Bandung: Indonesia. 2011.
- [9] N. B. M. Hashim. "Cabaran Wanita Bekerja dalam Pembentukan Keluarga Hadhari." Shah Alam: Universiti Teknologi Mara. 2010.
- [10] S. Z. M. Nor, Z. Kamaruddin. "Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian. Seminar Undang-undang Mahkamah Syariah Amalan & Permasalahan." Kuala Lumpur: Universiti Malaya) 2010.
- [11] Soembodo, Benny. "Pandangan Masyarakat Miskin Perkotaan Mengenai Perkotaan Mengenai Kesejahteraan Sosial." Surabaya: Universitas Air Langgar. 2006.
- [12] S. Salleh. "Kajian Keberkesanan Komunikasi Kepengajaran." Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa. 2014.
- [13] T. A. Hamid. "Sokongan Sosial, Kualiti Hubungan dan Kesejahteraan Psikologi antara Anak Dewasa dengan Ibu Bapa." Serdang: UPM 2001.